



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2095 6523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

---

( 21 ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

24 Februari 2010

## **SIARAN MEDIA**

### **KARNIVAL INDUSTRI LANDSKAP 2010**

BANGI 27 FEBRUARI 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara mensasarkan aktiviti berkonsepkan infoniaga dan "Garden Setting" Sempena Hari Landskap negara 2010 dan Karnival Industri Landskap, kata Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, sebanyak empat aktiviti utama dilaksnakan sempena Karnival bermula 27 Februari hingga 7 Mac depan iaitu jualan bahan landskap, pameran landskap, klinik landskap dan aktiviti sampingan yang melibatkan penggiat industri, pelajar sekolah rendah dan menengah serta dan juga orang ramai.

Lajim berkata, Hari Landskap Negara di sambut di semua negeri pada setiap tahun sejak tahun 1997 dan ia merupakan acara tahunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara.

Tambahnya lagi, Tema sambutan pada tahun ini ialah **1Malaysia: Negara Taman** bertepatan dengan konsep gagasan 1Malaysia di mana setiap masyarakat dapat menikmati suasana kehijauan dan persekitaran yang selamat, selesa dan seimbang serta menyemai rasa kecintaan dan kebanggaan rakyat negara ini terhadap persekitaran kehidupan beridentitikan Malaysia.

Menurut YB. Datuk Seri Panglima Lajim, sempena sambutan Hari Landskap Negara dan Karnival Industri Landskap 2010 satu seminar turut diadakan dan **sebanyak 7 buah Kertas Kerja akan dibentangkan oleh pakar-pakar landskap** meliputi topik-topik penting berkaitan Industri Landskap iaitu Analisa Keperluan Aplikasi Konsep "Garden City" dalam perancangan pembangunan; Kriteria Bandaraya Taman Ke arah Pembentukan Negara Taman; Peranan Masyarakat Dalam Pewujudan Negara Taman; Peranan Penggiat

Industri Dalam Pembangunan Landskap Berkualiti; Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO's) Dalam Kejayaan Negara Taman; Potensi Pengembangan Industri Landskap Negara di Pasaran Global serta Cabaran Profesionalisme Arkitek Landskap Di Dalam Era Liberalisasi.

Tambahnya lagi, Acara penyampaian sijil penghargaan, kempen menanam pokok dan bunga raya seluruh negara serta Anugerah Penghargaan Landskap Negara turut diadakan pada malam perasmian yang akan disempurnakan oleh Dato Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 3 Mac 2010 nanti.

\*\*\*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

*Di keluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my). Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my) atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke [zainal\\_shahrman@kpkt.gov.my](mailto:zainal_shahrman@kpkt.gov.my)*